



TATACARA PEMBAHARUAN SIJIL AMALAN PEGUAM SYARIE NEGERI PERLIS 2019



MAJLIS AGAMA ISLAM &
ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS

1. Mesyuarat Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri Perlis Bil. 1/2019 telah memutuskan bahawa **mulai 01hb September 2019 sehingga 31hb Oktober 2019** semua Peguam Syarie hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan Sijil Amalan Peguam Syarie melalui **Borang Permohonan Pembaharuan Sijil Peguam Syarie Negeri Perlis** yang ditetapkan.
2. Pemohon boleh mendapatkan borang pembaharuan Sijil Amalan Peguam Syarie yang telah disediakan di Laman Web Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis.
3. Mana-mana peguam yang tidak memperbaharui Sijil Amalan Peguam Syarie pada tahun semasa dan berhasrat untuk memperbaharuinya, akan dikenakan penalti (*bergantung kepada keputusan jawatankuasa peguam syarie*) atas sebab-sebab sudah lama tidak memperbaharui Sijil Amalan Peguam Syarie.
4. Senarai nama peguam yang telah diluluskan untuk pembaharuan tahunan akan dipamerkan di Papan Notis Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis.
5. Peguam Syarie hendaklah membuat bayaran RM100.00 [Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sahaja] di Kaunter Bayaran Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis.
6. Pembayaran permohonan pembaharuan Sijil Amalan Peguam Syarie yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Peguam Syarie hendaklah dibuat bagi tahun semasa sahaja. Tidak dibenarkan membuat jumlah bayaran melebihi tahun semasa. Resit bayaran hendaklah dikemukakan sebelum mengambil Sijil Amalan Peguam Syarie.
7. Kesemua permohonan pembaharuan untuk **tahun 2020** HENDAKLAH dikemukakan sebelum **31 Oktober 2019**.

Sekian, untuk makluman,

YAA Tuan Haji Othman Ibrahim
Ketua Hakim Syarie/Pengerusi
Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri Perlis.